

12/07/2003

Tolak ulama palsu (HL)

PUTRAJAYA: Sheikh Universiti Al-Azhar, Dr Muhammad Sayyid Tantawi berkata, umat Islam perlu menolak ulama palsu agar mereka tidak terpesong daripada ajaran sebenar Islam.

"Seseorang berpura-pura dirinya pakar dalam satu-satu bidang tetapi (sebenarnya) dia bukan pakar, maka itu adalah satu penipuan dan tidak boleh diikuti," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucap-tama bertajuk "Tadayyun (Pembudayaan Agama) Sebenar di Era Globalisasi" pada hari kedua Multaqa Ulama Sedunia di sini, semalam.

Dalam ucapan perasmian multaqa itu kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam agar tidak menerima bulat-bulat sesiapa saja yang mendakwa diri mereka ulama kerana kerap kali ada yang berpura-pura untuk kepentingan peribadi mereka.

Perdana Menteri berkata, golongan yang mempolitikkan Islam ini sanggup mengkafirkan dan menjatuhkan hukuman neraka kepada sesiapa yang tidak menyokong parti mereka, sehingga menakutkan ramai orang yang jahil untuk menyokong mereka.

"Apabila pemimpin politik Islam iaitu ulama palsu ini menyatakan Allah mencarut, Allah adalah samseng dan pembuli, mereka (penyokong) sanggup percaya bahawa Allah, Tuhan Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang, adalah samseng dan pembuli," kata Dr Mahathir.

Menerusi jurubahasa, Dr Muhammad Tantawi berkata, ulama tulen hendak membimbing ummah dengan lebih berkesan kerana ada ummah yang hanya mahu mendengar daripada ulama palsu saja.

Beliau berkata, seseorang yang mempunyai portfolio untuk bercakap soal agama mesti memahami dengan mendalam mengenai al-Quran dan Sunnah serta mahir dalam hal ehwal agama.

"Begitu juga, seseorang tidak akan dianggap sebagai doktor perubatan jika dia tidak belajar mengenai perubatan," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Muhammad Tantawi menyokong pandangan Perdana Menteri supaya ulama bersependapat dalam memberikan pandangan untuk membimbing ummah.

"Dalam menafsir al-Quran dan hadis, ada berbagai-bagai tafsiran dibuat dan ada juga yang tersilap, jadi ia adalah tanggungjawab ulama untuk memperbetulkannya," katanya.

Mengenai keganasan dan ekstremisme, beliau berkata, Islam tidak membenarkan sebarang bentuk ekstremisme sehingga membawa kepada pembunuhan orang yang tidak bersalah, kezaliman dan penindasan walaupun atas sebarang alasan.

Sheikh Al-Azhar itu berkata, Islam menentang sekeras-kerasnya ekstremisme dan tidak harus mengaitkan dengan jihad kerana konsep kedua-duanya adalah sangat berbeza.

"Perbezaan antara jihad dalam Islam dengan ekstremisme, ibarat langit dengan bumi. Islam menolak sama sekali ekstremisme dan keganasan sementara jihad pula wajib dalam Islam untuk mempertahankan kebenaran, mempertahankan diri dan membantu pihak yang dizalimi.

"Ekstremisme bertentangan dengan keadilan yang dituntut Islam kerana ia membabitkan kezaliman serta keganasan. Kedua-dua konsep ini bercanggah sama sekali," katanya.

Dr Muhammad Tantawi berkata, berkata penentangan terhadap ekstremisme dan keganasan itu ditunjukkan ulama di Universiti Al-Azhar selepas serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat.

"Dua hari selepas kejadian itu (11 September), ulama di Al-Azhar berkumpul dan memutuskan untuk membidas serangan itu. Ini kerana mangsa serangan itu adalah orang yang tidak berdosa," katanya.

Mengulas lanjut mengenai konsep jihad, Dr Muhammad Tantawi berkata, berpuluh-puluh ayat al-Quran menyebut bahawa jihad itu untuk mempertahankan diri dan membantu pihak yang dizalimi.

"Ayat yang paling jelas dalam hal ini ialah firman Allah: `Perangilah ke jalan Allah orang yang memerangi kamu, jangan ceroboh, Allah tidak suka kepada orang yang menceroboh," katanya.